

Nama : Kelas :



قَسَمْنَا بِكَ عَنْ قَوْلِنا اِنْ مَجْلِسُنا فُتِحَ
مَعَهُ لِكُلِّ جَانٍ سَكْوَةٌ مِّنْ غَيْرِنا وَكُلٌّ مِّنْ غَيْرِنا
يَا أَيُّهَا اسْلَامُ كَلِمَتُنَا



3767/1
Kertas 1
Oktober 2024
1 jam 15 min

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024 M / 1446 H**

**EKONOMI
KERTAS 1**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Buku soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2024 EKONOMI K1 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH


- 1 Rajah 1 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh unit isi rumah.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul tentang X?

- A Keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
 - B Barangan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
 - C Barangan yang dipilih memberi keuntungan yang maksimum
 - D Projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan faktor pengeluaran.



Gambar 1

Apakah ganjaran yang diperolehi oleh faktor di atas?

- A Upah
- B Sewa
- C Faedah
- D Untung


- 3 Jadual 1 menunjukkan pilihan teknik pengeluaran satu syarikat.

Teknik Pengeluaran	Keluaran (unit)	
	Telefon Bimbit	Laptop
X	30	16
Y	10	34

Jadual 1

Berapakah kos lepas sekiranya syarikat tersebut menukar teknik pengeluaran daripada X ke Y?

- A 20 unit telefon bimbit
 - B 18 unit telefon bimbit
 - C 20 unit laptop
 - D 18 unit laptop
- 4 Pernyataan yang manakah benar tentang ciri sistem ekonomi kapitalis?
- A Tidak wujud persaingan
 - B Sumber dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan
 - C Pemerintah mengawal semua aspek ekonomi
 - D Harga ditentukan melalui mekanisme pasaran
- 5 Rajah 2 berkaitan dengan permintaan terhadap suatu produk.



Rajah 2

Faktor yang manakah menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A Cukai Jualan meningkat
- B Citarasa pengguna berkurang
- C Harga barang pengganti murah
- D Pendapatan pengguna bertambah sebanyak 10%

6 Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis barang.

Kenaikan harga Barang S akan menyebabkan kuantiti permintaan Barang T akan berkurang

Pernyataan yang manakah betul bagi Barang S dan Barang T tersebut?

A	Kopi	Teh
B	Printer	Dakwat
C	Ayam	Daging
D	Telefon Samsung	Telefon Iphone

7 Hukum penawaran merujuk kepada hubungan antara harga dengan

- A kuantiti ditawarkan
- B kuantiti penawaran
- C kepuasan pengguna
- D keuntungan pengeluar

8 Jadual 2 menunjukkan perubahan penawaran getah di Malaysia.


Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit) Tahun 2022	Kuantiti ditawarkan (unit) Tahun 2023
4 000 tan	117 billion	160 billion

Jadual 2

Apakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Eksport getah ke luar negara berkurang
- B Penghijrahan belia ke bandar meningkat
- C Kekurangan buruh asing bekerja di ladang
- D Pemberian subsidi pekebun getah diteruskan

- 9 Rajah manakah menunjukkan perubahan kesimbangan pasaran kesan apabila kerajaan mengurangkan subsidi minyak diesel.



SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2024 EKONOMI K1 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>




- 10 Jadual 3 berkaitan dengan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (Unit)
6	30
12	10

Jadual 3

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

- A. 0.67
 B. 0.75
 C. 1.33
 D. 1.50
- 11 Pernyataan manakah yang betul tentang penentu keanjalan harga permintaan?
- A Teh permintaannya adalah anjal
 B Barang mewah adalah lebih anjal
 C Susu permintaannya adalah anjal
 D Tepung atta membuat capati adalah anjal
- 12 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 3

Berapakah **X** jika nilai keanjalan harga penawaran ialah 2

- A 30 unit
- B 37 unit
- C 41 unit
- D 55 unit

13 Apakah ciri yang membolehkan wang berfungsi sebagai alat bayaran tertunda?

- A Keseragaman
- B Mudah dibawa
- C Diterima umum
- D Nilai yang stabil

14 Apakah kemudahan bank perdagangan yang boleh membuat pembayaran secara tetap mengikut jumlah dan tarikh yang sama setiap bulan?

- A Perintah sedia ada
- B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Draf bank

15 Antara yang berikut, yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?

- I Prospek pekerjaan
 - II Faedah persaraan
 - III Elaun Perumahan
 - IV Suasana tempat kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga dua barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang Q (RM)	Harga Barang M (RM)
5 000	9.50	10.50

Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM25?

- A Kuasa beli pengguna menurun
 - B Tabungan isi rumah meningkat
 - C Upah benar pengguna bertambah
 - D Pendapatan boleh guna berkurang
- 17 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelemahan bayaran secara kredit?
- I Harga barang perlu dibayar lebih tinggi
 - II Peningkatan taraf hidup pengguna
 - III Meringankan beban kewangan pembeli
 - IV Mendorong berbelanja melebihi kemampuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Jadual 4 berkaitan dengan fungsi pengeluaran sebuah firma.

Input Berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
7	40
9	X

Jadual 4

Berapakah keluaran marginal firma bagi input berubah ke- 9, jika keluaran X bertambah 35%?

- A 4.5
- B 6.0
- C 7.0
- D 8.33

- 19 Jadual 5 menunjukkan output dan jumlah kos bagi suatu barang.

Output (unit)	Jumlah kos (RM)
0	20
2	42
4	60

Jadual 5

Berapakah kos tetap pada output yang ke-4?


- A RM18
B RM20
C RM42
D RM60
- 20 Maklumat yang berikut berkaitan dengan kos purata, jumlah keluaran dan harga seunit bagi Syarikat Syima Berhad.

- Kos purata RM 20
- Jumlah keluaran 150 unit
- Harga jualan seunit RM 21.50

Berapakah keuntungan bagi syarikat tersebut?

- A RM430.00
B RM225.00
C RM161.25
D RM139.50
- 21 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor mempengaruhi produktiviti sebuah organisasi?
- I Tenaga manusia
II Persekitaran kerja
III Kepuasan pengguna
IV Tingkat agihan pendapatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 22 Apakah faedah sosial yang timbul apabila kerajaan melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Pasir Tumbuh Kelantan?
- A Ketidakstabilan harga barang
 - B Nilai hartanah setempat meningkat
 - C Kos pengangkutan akan lebih tinggi
 - D Kadar pencemaran bunyi yang tinggi
- 23 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?
- I Mengawal selia pengeluaran
 - II Mengeluarkan barang ekonomi
 - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - IV Mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat keseimbangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Gambar 2 berkaitan dengan satu situasi ekonomi dalam negara.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah betul tentang kesan situasi ekonomi tersebut.

- A Kos sara hidup menurun
- B Tabungan masyarakat bertambah
- C Pendapatan benar masyarakat menurun
- D Individu dapat memaksimumkan kepuasan

SULIT

- 25 Pernyataan manakah yang betul tentang pengangguran kitaran?
- A Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal
 - B Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan
 - C Pekerja tidak memperoleh pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi
 - D Pekerja tidak mendapat pekerjaan akibat perubahan struktur ekonomi

- 26 Maklumat menunjukkan hasil kerajaan bagi tahun 2023.


KUALA LUMPUR: Trend harga di Malaysia memperlihatkan peningkatan inflasi 1.8% pada Februari 2024 selepas tiga bulan berturut-turut dilaporkan pada kadar 1.5 peratus.

Sumber: www.astroawani.com, 30 Ogos 2024

Tindakan yang manakah betul berkaitan situasi di atas?

	Dasar Fiskal	Keterangan
A	Mengucup	Mengurangkan proses penciptaan kredit
B	Mengembang	Meningkatkan permintaan agregat
C	Mengembang	Menambah projek pembangunan
D	Mengucup	Mengurangkan cukai pendapatan

- 27 Gambar 3 berkaitan dengan satu sumber hasil kerajaan.



Gambar 3

Pernyataan yang manakah betul ?

- A Jenis cukai ialah cukai langsung
- B Beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain
- C Cukai yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di pasaran
- D Menyumbangkan peratusan yang terbesar kepada kerajaan persekutuan

28 Maklumat dibawah berkaitan dengan satu masalah ekonomi dalam negara.

- Pengangguran meningkat
- Ekonomi lembab

Apakah alat dasar kewangan yang sesuai dilaksanakan oleh kerajaan ?

- A Jual surat jaminan kerajaan
- B Menaikkan nisbah rizab tunai
- C Melonggarkan syarat sewa beli
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman

29 Antara berikut, yang manakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?

- I Menjamin keselamatan negara
 - II Menambahkan pendapatan negara
 - III Melindungi industri muda tempatan
 - IV Memperbaiki imbalan pembayaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30 Jadual menunjukkan nilai eksport tak nampak dan nilai import tak nampak bagi negara X.

Eksport	Import
RM1 100 juta	RM1 250 juta

Apakah keadaan imbalan tersebut?

- A Defisit imbalan akaun dagangan
- B Lebihan imbalan akaun dagangan
- C Defisit imbalan akaun perkhidmatan
- D Lebihan imbalan akaun perkhidmatan

- 31 Pasangan yang manakah betul tentang permintaan dan penawaran Ringgit Malaysia.

	Ringgit Malaysia (RM)	Keterangan
A	Permintaan RM	Encik Alif dan keluarga melancong ke Jepun
B	Penawaran RM	Pelancong Jerman menginap di hotel Langkawi
C	Permintaan RM	Australia mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia
D	Penawaran RM	Syarikat Singapura menggunakan kapal milik Malaysia

- 32 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

Unit	Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1	Dolar Amerika (USD)	4.08	4.16

Berapakah yang perlu dibayar oleh seorang pelancong Amerika Syarikat yang ingin membeli bag tangan yang berharga RM480 di pasar raya Aeon?

- A USD 115.38
 - B USD 117.65
 - C USD 1 958.40
 - D USD 1 996.80
- 33 Kenaikan nilai Ringgit Malaysia (RM) akan menyebabkan
- A harga barang eksport menjadi murah
 - B harga barang import menjadi mahal
 - C jumlah eksport akan meningkat
 - D jumlah import akan meningkat

Soalan 34 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Firma menghadapi masalah kekurangan wang untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
II Firma membuat pilihan untuk memaksimumkan keuntungan.
- 35 I Hukum permintaan menyatakan apabila harga turun maka kuantiti diminta akan turun.
II Hukum permintaan menyatakan wujud hubungan positif antara harga dengan kuantiti diminta.
- 36 I Untung adalah pulangan kepada faktor modal.
II Untung diperoleh kerana berani menanggung risiko perniagaan.
- 37 I Overdraf adalah kemudahan pinjaman yang diberikan kepada pemegang akaun semasa.
II Overdraf dikenakan faedah atas keseluruhan pinjaman diluluskan.
- 38 I Pengeluaran jangka pendek wujud input berubah dan input tetap.
II Input berubah wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- 39 I Globalisasi merupakan proses interaksi dan intergrasi antara manusia, syarikat dan kerajaan pelbagai negara.
II Wujud pasaran pengguna global dan jenama global merupakan ciri globalisasi.
- 40 I Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah import melebihi jumlah eksport.
II Belanjawan defisit digunakan untuk mengawal inflasi.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT